

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia mempertimbangkan kebenaran kepada pihak majikan untuk menggunakan terma kontrak pekerjaan yang disertakan dengan “*recall clause*” supaya majikan asal dapat mendapatkan semula tenaga kerja mereka apabila perniagaan semakin pulih.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, ada menyatakan bahawa majikan perlu mengambil semula pekerja yang telah diberhentikan apabila wujud kekosongan jawatan dalam syarikat tersebut.
2. Selain itu, perenggan 23 Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan, dengan izin *Code of Conduct for Industrial Harmony* turut menyatakan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberhentikan hendaklah diberi keutamaan seberapa yang boleh, untuk diambil bekerja semula oleh majikan tersebut.
3. Justeru, dalam situasi mencabar pada masa sekarang, pihak Kerajaan amat menggalakkan majikan mengambil semula pekerja mereka yang telah diberhentikan. Walau bagaimanapun, pemakaian terma “*recall clause*” sebagai salah satu terma dalam kontrak perkhidmatan dan perjanjian bersama adalah tertakluk kepada persetujuan di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.
4. Kerajaan tiada halangan jika majikan-majikan di Malaysia dapat mengambil langkah proaktif dengan menggaji semula pekerja yang telah diberhentikan setelah perniagaan mereka semakin pulih.

Sekian, terima kasih.